



**MAPS MALAYSIA**  
(Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia)  
**Lembaga Arkitek Malaysia**

## Pekeliling MAPS #1-2024:

### Keperluan Dalam Melaksanakan Program Kerjasama

1. Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan dan panduan untuk memudahcara pihak Pemberi Pengajian Senibina (PPS) dalam hal yang membabitkan hasrat PPS mewujudkan dan melaksanakan program pengajian senibina yang baharu selain dari program sedia ada yang telah diakreditasi oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM).
2. Dalam hal ini, dokumen *Manual of Accreditation for Architecture Programme* (atau ringkasnya 'MAAP') (2013) menyatakan beberapa perkara mengenainya iaitu:

- a. LAM sebagai punca kuasa yang memberikan kelulusan melaksanakan program senibina:

*Institutions intending to conduct a programme having the word “architecture” or “architectural” or any derivative thereof in the name of the programme and/or the award (with the exception of programme related to naval and landscape architecture as per provisions of Section 36 of the Architects Act 1967) are placed under the jurisdiction of the Council.*

- b. Selanjutnya LAM telah menetapkan bahawa PPS yang dinyatakan di sini adalah tertakluk di bawah peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia (MAPS) dan dalam hal ini dinyatakan di bawah ini beberapa klausa yang dipetik dari MAAP yang berkaitan dengan maksud Pekeliling ini, iaitu:

- i. Dalam subseksyen 2.2(iii);

*Institutions applying to conduct more than one programme in architecture apart from the existing accredited programme.*

- ii. Dalam subseksyen 2.2(iv);

*Institutions applying to conduct a similar programme to the existing one at a different location apart from the existing accredited programme. The term 'different location' implies that the new programme is not managed and taught by the same school administration.*

- iii. Dalam subseksyen 2.2(vi);

*Institutions applying to conduct a new programme or currently running an existing programme that is not fully owned by them. Ownership of the programme is defined as having its curriculum designed by the school, approved by the Senate of the institution and its implementation governed by the same institution.*

3. Dari pernyataan dalam klausa 1 di atas, LAM dan MAPS adalah konsisten dalam pendirian dan ketetapannya berhubung program pengajian senibina yang mahu dilaksanakan selain dari program yang sudah sedia diakreditasi dan diiktiraf oleh LAM.
4. Selaras dengan pendirian dan ketetapan yang terkandung dalam MAAP, LAM juga maklum dan faham tentang hasrat dan hala tuju Kerajaan dalam usaha untuk menjadikan negara ini sebagai hab pendidikan pada peringkat pengajian tinggi seperti mana yang termaktub dalam beberapa peruntukan dalam naskhah berikut:
- a. Dokumen yang diterbitkan oleh MQA bertajuk *Code of Practice for Programme Accreditation* (2018) khususnya dalam *Area 6: Programme Management*.
  - b. Perkara 1.11 bertajuk Program Berbentuk Kerjasama dalam *Garis Panduan Pembangunan Program Akademik (GPPA) Universiti Awam (UA)*
  - c. Pekeliling MQA Bil.4/2017 -- Dasar Jaminan Kualiti Program Pengajian Luar Negara yang Ditawarkan secara Kerjasama dengan PPT Tempatan
  - d. Pekeliling MQA Bil 5 /2018 -- Ketetapan bagi (PPT) Malaysia yang Bercadang untuk Menawarkan Program Kerjasama di Luar Negara
  - e. Surat Makluman MQA Bil. 6/2018 -- Panduan Pemilihan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Luar Negara Sebagai Rakan Kerjasama (*Franchisor*) Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Malaysia
  - f. Pekeliling Pengurusan Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS), JPT, KPM Nil. 2/2017 – Pengemaskinian Dasar Kerjasama Kursus Pengajian Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)
  - g. MQA, 2018, *Code of Practice for Programme Accreditation*, 2<sup>nd</sup> edition.

5. Pelaksanaan akreditasi oleh LAM sudah berlangsung sekian lama sejak pertengahan 1970an. LAM dan MAPS telah menyaksikan pelbagai karenah dan cabaran membabitkan program senibina yang dilaksanakan oleh IPTA dan IPTS sama ada dalam bentuk program *homegrown* atau program yang dijalankan secara usahasama dan pesisir. Antara aspek penting yang PPS kerap lewa dalam mengurusnya sehingga menyebabkan gagal memperoleh akreditasi adalah: autonomi, governan dan pengurusan, tenaga pengajar yang berkelayakan dan berdaftar, jumlah tenaga pengajar dan nisbah pensyarah-pelajar, kemudahan pembelajaran, pensyarah berstatus profesional berdaftar, kualiti hasil kerja pelajar, keperluan studio rekabentuk, dan seumpamanya.
6. Dalam semangat untuk membuka peluang melanjutkan pengajian seluas mungkin kepada rakyat negara ini, adalah dirumuskan di sini bahawa LAM menerusi MAPS tiada halangan ke atas mana-mana PPS untuk mengembangkan program pengajian senibina sedia ada yang telah diakreditasi oleh LAM.
7. Dalam konteks keseluruhan penjelasan di atas, LAM dengan ini mengambil pendekatan terbuka menggunakan kaedah dan pendekatan yang cermat dimana hanya PPS yang layak dan berkemampuan sahaja yang akan dibenarkan memohon (selepas ini dirujuk sebagai 'PPS-Pemilik').
8. PPS-Pemilik adalah pemilik sepenuhnya program sedia ada yang diakreditasi dan diiktiraf oleh LAM.
9. Sesebuah PPS-Pemilik itu akan hanya diisytiharkan layak untuk memohon mengadakan program baharu atau tambahan dari program sedia ada yang diiktiraf oleh LAM setelah PPS-Pemilik berkenaan memenuhi kriteria berikut:
  - a. Program sedia ada telah mendapat akreditasi dan pengiktirafan penuh untuk tempoh lima (5) tahun dari LAM bagi program yang setara dengan LAM Bahagian I, atau LAM Bahagian II, atau kedua-dua LAM Bahagian I dan LAM Bahagian II untuk tempoh sekurang-kurangnya dua (2) kitaran akreditasi penuh secara berturut-turut;
  - b. Dalam keadaan diiktiraf oleh LAM, program sedia ada itu mestilah telah menghasilkan kohort bergraduasi selama tiga (3) kali berturut-turut dengan penghasilan sekurang-kurangnya 15 orang bagi setiap kohort berkenaan;
  - c. Program PPS-Pemilik kekal berakreditasi dan diiktiraf oleh LAM sepanjang proses permohonan;
  - d. Program PPS-Pemilik tidak dilaporkan mempunyai masalah berkaitan dengan pengurusan dan tenaga pengajar oleh Panel Lawatan Akreditasi MAPS (supaya ia tidak tambah terbeban dengan pelaksanaan program baru di tempat lain).

10. Manakala pihak yang satu lagi (yang akan bekerjasama dengan PPS-Pemilik), yang dirujuk di sini sebagai 'PPS-Penerima', mestilah terlebih dahulu memenuhi syarat atau kriteria berikut sebelum boleh dipertimbangkan layak menjadi PPS-Penerima kepada PPS-Pemilik berkenaan:
  - a. PPS-Penerima mesti telah melaksanakan program pengajian senibina separa-profesional peringkat Diploma untuk tempoh berterusan selama sekurang-kurang tujuh (7) tahun;
  - b. Program senibina yang dikendalikan oleh PPS-Penerima sebelum ini telah mendapat akreditasi penuh oleh pihak MQA pada sepanjang tempoh tujuh (7) tahun tersebut;
  - c. Kedua-dua PPS-Penerima dan program senibina miliknya telah diluluskan kewujudannya dan pelaksanaannya pada sepanjang tempoh tujuh (7) tahun berkenaan;
  - d. Program senibina yang dimaksudkan masih kekal dilindungi permit kelulusan melaksanakan program dan diakreditasi oleh MQA sepanjang proses permohonan berlangsung;
  - e. PPS-Penerima mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang mencukupi serta memenuhi lain-lain aspek berkaitan seperti yang disenaraikan dalam klausa 5(a) hingga 5(d).
  - f. Lawatan Audit Fasiliti perlu dilakukan terlebih dahulu oleh Panel MAPS ke tapak atau lokasi PPS-Penerima di mana program baharu yang dimaksudkan mahu dilaksanakan.
11. Pekeliling ini secara tidak langsung menegaskan akan konsep kerjasama yang dibenarkan dimana PPS-Penerima bersandar kepada pengiktirafan LAM yang diperolehi PPS-Pemilik. Kurikulum, silibus, penganugerahan, kawalan kualiti, serta aspek pengajaran dan pembelajaran diletakkan di bawah kawalan dan pemantauan PPS-Pemilik; bermaksud pihak PPS-Penerima akan dipandu dan dibimbing oleh PPS-Pemilik terutamanya dalam tempoh mendapatkan akreditasi untuk program baharu yang berkenaan (tempoh ini dirujuk sebagai 'tempoh pra-akreditasi' atau 'TPA').
12. PPS-Pemilik mesti kekal diakreditasi dan diiktiraf oleh LAM sepanjang tempoh pra-akreditasi (TPA). Kegagalan PPS-Pemilik mengekalkan akreditasi dari LAM akan menyebabkan program senibina yang dikendalikan oleh PPS-Penerima (yang terlebih dahulu memperoleh Kelulusan Mengendalikan Program) menjadi terbatal secara automatik.
13. Kaedah kerjasama selain dari apa yang telah dinyatakan dalam Pekeliling ini adalah tidak dibenarkan.

14. Apabila PPS-Penerima berjaya mendapatkan akreditasi dan tersenarai diiktiraf oleh LAM, maka TPA bagi PPS-Penerima pun ditamatkan dan pada masa yang sama PPS-Penerima menjadi sebuah program pengajian senibina yang bersifat sendiri; dari sudut pelaksanaan PPS-Penerima sepatutnya mampu untuk bertindak bebas dari kawalan PPS-Pemilik (tertakluk kepada perjanjian yang dibuat antara kedua-duanya).
15. Kerjasama urusan antara PPS-Pemilik dan PPS-Penerima yang mendokong muafakat urusan antara kedua-dua institusi ini perlu kekal demi menjamin kerjasama komersial dimana program senibina ini berpaut. Walau bagaimanapun aspek urusan tersebut adalah di luar skop Pekeliling ini. Sebarang pembatalan perjanjian antara kedua-dua pihak ini akan memberi impak ke atas penganugerahan dan akreditasi program berkenaan. Pembatalan perjanjian mesti dilakukan secara teratur tanpa merugikan para pelajar dan tindakan sepatutnya mesti diambil berlandaskan kepada apa-apa peruntukan yang termaktub dalam akta yang berkaitan.
16. Kedua-dua pihak PPS-Pemilik dan PPS-Penerima perlu membuat permohonan secara bersama. Pembentangan lisan di hadapan Panel MAPS mesti dihadiri oleh wakil dari kedua-dua pihak.
17. PPS-Penerima mesti menyertakan dokumen berikut:
  - a. Permit Kelulusan Penawaran Program yang dikeluarkan oleh KPT;
  - b. Sijil Akreditasi program berkenaan daripada MQA;
  - c. Senarai nama pensyarah sedia ada dan mereka yang bakal dilantik (disertakan maklumat latar mereka);
  - d. Senarai dan gambar aset termasuk ruang dan kemudahan pembelajaran berserta lokasi dan peletakannya; dan
  - e. Barisan kepimpinan Fakulti dan Jabatan/Sekolah/Program serta kelayakan dan pengalaman mereka.
18. Setelah kelulusan diperolehi daripada MAPS ke atas permohonan untuk berkerjasama antara PPS-Pemilik dan PPS-Penerima dalam mewujudkan sebuah program senibina yang baharu di lokasi milik atau kelolaan PPS-Penerima, maka barulah kedua-dua pihak secara bersama mengemukakan permohonan Kelulusan Program seperti mana prosedur biasa yang terkandung dalam Seksyen 2.0, MAAP (2013).
19. Sekiranya kelulusan mengendalikan program (*Programme Approval*) diperolehi dan kemudiannya akreditasi berjaya dicapai oleh program kerjasama yang dijalankan di PPS-Penerima, maka pengemukaan ijazah atau skrol pengijazahan

berkenaan kepada para graduan mestilah dibezakan dengan ijazah yang sama yang dikendalikan oleh PPS-Pemilik. Fakta mengenai lokasi dan PPS-Penerima perlu dinyatakan pada skrol.

20. Apa juga keadaan yang unik dan memerlukan interpretasi berlainan dari apa yang terkandung dalam Pekeliling ini boleh dipertimbangkan menurut keperluan kes-kes tertentu. Permohonan yang sedemikian itu hendaklah dikemukakan terus kepada MAPS.
21. Ketetapan dalam Pekeliling ini terpakai kepada semua program pendidikan senibina dan rekabentuk dalaman (akan merujuk kepada *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme*, atau PAID, 2019) yang telah diberikan status Kelulusan Mengendalikan Program (*Programme Approval*), berada di bawah naungan Akreditasi Interim, dan Akreditasi oleh LAM dan pelaksanaannya adalah berkuat kuasa dengan serta merta.

**Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia  
LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

**23 September 2024 (Isnin)**